

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HKA 101 - PENGANTAR KESUSASTERAAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada bahagian A, dan DUA soalan daripada bahagian B.

### Bahagian A

1. Telitikan DUA daripada puisi-puisi berikut (lihat Lampiran):

- [a] "Puisi Ini" karya Ali Ahmad
- [b] "Mahasiswa" karya Usman Awang
- [c] "Kita Ini Tetamu Senja" karya A. Samad Said
- [d] "Sepanjang Jalan ke Pulau Pinang" karya Zurinah Hassan

Berdasarkan penelitian anda, bincangkan secara kritis bagaimana gaya bahasa yang dipilih dapat mencerminkan suara hati dan pengalaman penyair-penyair berkenaan terhadap kemanusiaan.

2. Salah satu unsur penting dalam pembinaan novel ialah sudut pandangan. Dengan merujuk kepada rajah yang dilampirkan, jawab soalan-soalan berikut:

- [a] Jelaskan apakah yang anda faham dengan sudut pandangan?
- [b] Dengan skema rajah yang bersesuaian, bincangkan dan bandingkan unsur ini dalam konteks menganalisis SAMA ADA novel *Percikan* karya Zakaria Ali ATAU *Musim Sepi* karya Ali Jusoh.

3. Watak Midah di dalam cerpen "Perempuan" karya Anis Sabirin membawakan persoalan citra seorang gadis remaja yang ingin bebas lepas dari belenggu kemiskinan. Perihalkan secara kritis bagaimana pengarang mengolah konflik Midah dan bandingkan dengan konflik yang dialami oleh watak-watak perempuan dalam **salah sebuah** cerpen berikut:

- [a] Minah dalam "Matinya Seorang Perempuan" karya Usman Awang
- [b] Gadis dalam "Tentang Dia" karya Melly Goeslaw
- [c] Siti dalam "Perempuan" karya Shahnon Ahmad.

4. Berdasarkan drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* karya Noordin Hassan, jelaskan maksud “bunyi berdentum memanglah hujan, bukannya lalang ditiup angin...”. Kemudian, perincikan secara kritis peranan watak dan perwatakan yang dapat memperlihatkan pengertian maksud frasa tersebut.

## Bahagian B

5. Baca pantun-pantun berikut dan berikan pandangan kritis anda terhadap penggunaan diksi dan pemikiran yang terkandung di dalamnya.

Kayu besar kayu penaga,  
Kayu kecil dahannya runduk;  
Kalau besar jangan melanda,  
Kalau kecil jangan menunduk.  
(*Sekalung Budi, Seuntai Bahasa*, 1994)

Sampan kotak hilir mudik,  
Dayung patah galah sebatang;  
Ikhtiar tidak datang menggolek,  
Akal tidak datang melayang.  
(*Sekalung Budi, Seuntai Bahasa*, 1994)

Burung terbang menarik rotan,  
Lalu hinggap di kayu jati;  
Tujuh gunung tujuh lautan,  
Belum dapat belum berhenti.  
(*Sekalung Budi, Seuntai Bahasa*, 1994)

6. Sebelum mangkat, Sultan Mahmud Syah telah meninggalkan wasiat kepada puteranya seperti berikut:

“Hei anakku, cahaya mataku, buah hatiku, engkau kerajaan, sangat sabarmu, dan barang suatu bicaramu jangan meninggalkan bendahara dan sekalian menteri hulubalangmu, sangat-sangat adil saksama pada barang hukum atas bala tenteramu. Jangan engkau dengar-dengarkan sembah orang yang tiada dengan sebenarnya, sangat-sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian, akan ia bernaung kepada keadilan dan kemurahanmu, dan jangan engkau taksir daripada menafahus dan memeriksai atas rakyatmu, supaya sentosa kerajaanmu”.

(A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin*, 1983)

Bincangkan peranan wasiat di atas sebagai panduan adab pemerintahan raja-raja Melayu masa silam.

7. Baca petikan berikut:

Peri pada menyatakan hukum segala orang yang durhaka akan raja. Hukumnya, disiksa dengan tiga ratus enam puluh bagainya siksa sebilang urat. Maka hartanya dirampas, anak isterinya jadi hamba raja. Maka orang itu diberi azab selama-lamanya dengan seratus empat puluh delapan bilang tulang manusia. Jikalau sudah mati, dibelah empat, maka dibuangkan empat daksina. Demikian lagi barangsiapa syarikat dengan dia.

(*Undang-Undang Pahang*, fasal ke-23)

Berdasarkan petikan di atas, sejauhmanakah undang-undang Melayu berperanan sebagai peraturan yang memberi keadilan kepada rakyat?

8. Bincangkan keberkesanan *Syair Cerita di Dalam Kubur* sebagai wadah pendidikan agama dan unsur kawalan sosial kepada masyarakat.

LAMPIRAN

**PUISIINI**

**Oleh: Ali Ahmad**

Puisi ini kekuatan kata  
pancaran penghayatan kalimah  
dari akal bicara iman  
atas al-Quran  
bila ayat-ayat kubaca  
faham membentuk ainal yakin.

Ia bergerak ke dasar hati  
menikmati kesempurnaan wujud-Mu  
dengan tanda-tanda di lingkungan alam  
hingga ke rahsia abdi diri.

Puisi ini pancaran hati  
yang menegakkan rasa takwa  
antara lamunan segala kalimah  
berpusar dari lailaha illallah  
sujudku penuh menyerah.

Puisi ini debu  
dari daya yang kaupinjamkan  
dari ketundukanku  
pada kebesaran wujud-Mu.  
Puisi ini kesenangan  
zarah kata yang kauberikan  
mencari teduh  
dari al-Quran.

Puisi ini ketenangan  
menerima kekecilanku  
tunduk bersamaku  
di bawah keredaan-Mu.

(*Puisi-Puisi Nusantara*)

LAMPIRAN

**MAHASISWA  
(dari khemah pemogokan)**

**Oleh: Usman Awang**

Mahasiswa dari kota tanah air  
bangunlah!  
angkat matamu dari buku  
lampaui dinding lampau tembok  
semua menunggu  
mengajakmu  
bersama ke tengah jalan raya kota.

Lihat betapa temanmu telah berdiri di sini  
sebaris dengan kami  
para buruh dan petani di Jalan Sungai Besi  
sederap belajar dari hidup berani

Lepaskan tangan halus kekasih di tasik  
atau bersamanya berjalan ke Parlimen  
kerana tenagamu dengan ilmu di dada  
akan merombak erti hidup sebuah negara.

*(Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang, 1987)*

LAMPIRAN

**KITA INI TETAMU SENJA**

**Oleh: A. Samad Said**

Kita datang ini hanya sebagai tetamu senja  
bila cukup detik kembalilah kita kepada-Nya  
kita datang ini kosong tangan kosong dada  
bila pulang nanti bawa dosa bawa pahala.

Pada tetamu yang datang dan kenal jalan pulang  
bawalah bakti mesra kepada Tuhan kepada insan  
pada tetamu yang datang dan lupa jalan pulang  
usahalah derhaka pula kepada Tuhan kepada insan.

Bila kita lihat manusia lupa tempat  
atau segera sesat puja darjat puja pangkat  
segera kita insaf – kita ini punya kiblat  
segera kita ingat – kita ini punya tekad.

Bila kita lihat manusia terbiar larat  
hingga mesti merempat ke biru laut ke kuning darat  
harus kita lekas sedar penuh pada tugas  
harus kita tegas sembah seluruh rasa belas.

Kita datang ini satu roh satu jasad  
bila pulang sekali bawalah bakti padat berkat!

*Utusan Zaman*  
13 November 1955

(*Koleksi Terpilih Sasterawan Negara A. Samad Said*)

LAMPIRAN

**SEPANJANG JALAN KE PULAU PINANG**

**Oleh: Zurinah Hassan**

Sepanjang jalan ke Pulau Pinang  
laut mengimbau sayu  
ombak-ombak ini hatiku  
berhasrat tiada tepi  
pecah di pantai berbuih cuma.

Sepanjang jalan ke Pulau Pinang  
hujan memberi lagu  
angin menampar ke tiap ruang rasa  
berhiba-hiba awan pilu.

Aku antara manusia beribu  
airmataku antara laut-laut lepas,  
laguku hilang dalam angin menderu.

Sepanjang jalan ke Pulau Pinang  
hatiku terjun ke air  
mencari tempat bagiku  
aku orang pelarian.

(*Utusan Zaman*, 1970)

[HKA 101]

- 9 -

LAMPIRAN

-oooo0ooo -